



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 22 TAHUN 2013

SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU KEMAHIRAN

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan kerajaan mengenai penggabungan skim perkhidmatan Tukang K3, Tukang K2 dan Tukang K1 kepada skim perkhidmatan baharu iaitu Pembantu Kemahiran.

LATAR BELAKANG

2. Selaras dengan usaha untuk mengarusperdanakan pendidikan vokasional ke arah melahirkan tenaga kerja mahir yang mempunyai kemahiran dan kebolehpasaran yang tinggi serta mengurangkan peringkat hierarki bagi mengatasi masalah organisasi seperti pertindihan tugas dan kesukaran dalam menentukan gred jawatan, kerajaan bersetuju supaya skim perkhidmatan Tukang K3, Tukang K2 dan Tukang K1 digabung dan dimantapkan di bawah satu skim perkhidmatan baharu iaitu Pembantu Kemahiran.

SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU KEMAHIRAN

3. Skim perkhidmatan Pembantu Kemahiran diperuntukkan perbekalan seperti berikut:

- (a) diletakkan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Kemahiran (H);
- (b) diperuntukkan gred jawatan/gaji H17, H22, H26;
- (c) diperuntukkan syarat lantikan:
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta sekurang-kurangnya Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang ketukangan yang berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
 - (ii) SPM serta sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
 - (iii) kepujian Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- (d) diperuntukkan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29 yang kosong tertakluk memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

4. Berikutan penggabungan skim perkhidmatan Tukang K3, Tukang K2 dan Tukang K1, perbekalan PSL dalam skim perkhidmatan Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/Penolong Jurutera Gred JA29 turut dipinda.

5. Skim perkhidmatan Pembantu Kemahiran dan Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/Penolong Jurutera yang baharu adalah seperti di **Lampiran A** dan **A1**, format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B**, Jadual Gaji Minimum – Maksimum (JGMM) adalah seperti di **Lampiran C** dan penghuraian kerja umum adalah seperti di **Lampiran D**.

KETUA PERKHIDMATAN

6. Ketua Perkhidmatan bagi skim perkhidmatan Pembantu Kemahiran ialah seperti mana yang ditetapkan untuk skim perkhidmatan Tukang K3, Tukang K2 dan Tukang K1 di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2010.

PELAKSANAAN

Prinsip Umum Pertukaran Pelantikan

7. Pegawai hendaklah ditukar lantik ke jawatan baharu di skim perkhidmatan yang sama atau berlainan pada gred yang setara dengan jawatan asal. Pegawai yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan dalam kelompok kelayakan lebih tinggi pula, gred jawatan yang akan ditawarkan adalah pada gred lantikan. Sekiranya tiada gred setara, maka jawatan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) boleh diwujudkan.

Skim Perkhidmatan Tukang K3 dan Tukang K2

8. Pegawai dalam skim perkhidmatan Tukang K3 dan Tukang K2 sedia ada yang dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Kemahiran yang baharu seperti berikut:

- (a) Tukang K3 Gred R9 dan R14 dan Tukang K2 Gred R11 yang memiliki SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Kemahiran Gred H17; atau

- (b) Tukang K3 Gred R9 dan R14 dan Tukang K2 Gred R11 yang tidak memiliki SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan tetapi mempunyai genap enam (6) tahun perkhidmatan akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Kemahiran Gred H17; atau
- (c) Tukang K2 Gred R22 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Kemahiran Gred H22.

Skim Perkhidmatan Tukang K1

9. Pegawai dalam skim perkhidmatan Tukang K1 sedia ada yang dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Kemahiran yang baharu seperti berikut:

- (a) Tukang K1 Gred R17 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Kemahiran Gred H17; dan
- (b) Tukang K1 Gred R24 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Kemahiran Gred H26.

10. Tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira bagi tujuan pertukaran pelantikan ini adalah tempoh perkhidmatan tetap dalam skim perkhidmatan asal, tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji atau mana-mana tempoh yang tidak diambil kira berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.

11. Tukang K3 Gred R9 dan R14 dan Tukang K2 Gred R11 yang **belum memenuhi syarat** pertukaran pelantikan akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP. Gaji pegawai hanya akan diselaraskan ke gaji baharu dalam skim perkhidmatan Pembantu Kemahiran Gred H17 sehari selepas memenuhi syarat seperti ditetapkan. Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk memastikan urusan pelarasan ini direkodkan dalam Kenyataan Perkhidmatan pegawai.

12. Jabatan ini [Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO)] akan melaksanakan perubahan jawatan Tukang K3, Tukang K2 dan Tukang K1 dalam Senarai Perjawatan sedia ada.

13. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini, semua lantikan hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baharu dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

PEMBERIAN OPSYEN

14. Ketua Jabatan hendaklah menawarkan opsyen kepada pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Tukang K3, Tukang K2 dan Tukang K1 bagi membolehkan pegawai membuat pilihan.

15. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang baharu.

16. Pegawai yang menolak opsyen atau tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan baharu ini. Dengan ini:

- (a) pegawai akan kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP;
- (b) pegawai akan berada dalam skim perkhidmatan asal yang telah diumumkan dan tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan asal; dan
- (c) pegawai juga tidak layak menikmati keistimewaan dan penambahbaikan yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Pembantu Kemahiran yang baharu dan sebarang pindaan kepadanya.

17. Semua pegawai yang terlibat akan diberi tempoh **30 hari** mulai tarikh surat opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran opsyen ini. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

18. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf **tetap** dan masih dalam perkhidmatan pada 1 November 2013, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta berada dalam Sistem Saraan Malaysia.

19. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada mereka yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukar sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib.

20. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhkan hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

21. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 19, Ketua Jabatan boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (**30 hari**) untuk membolehkan mereka membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

22. Bagi urusan pemberian opsyen pertukaran pelantikan bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Tukang K3, Tukang K2 dan Tukang K1 sedia ada, dokumen yang berkaitan adalah seperti berikut:

(a) **Pegawai Yang Memiliki Kelayakan**

- (i) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Tukang K3 Gred R9 dan Tukang K2 Gred R11 seperti di **Lampiran E, E1 dan E2**; dan
- (ii) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Tukang K3 Gred R14, Tukang K2 Gred R22 dan Tukang K1 Gred R17 dan R24 seperti di **Lampiran F, F1 dan F2**.

(b) **Pegawai Yang Tidak Memiliki Kelayakan**

- (i) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Tukang K3 Gred R9 dan Tukang K2 Gred R11 seperti di **Lampiran G, G1 dan G2**; dan
- (ii) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Tukang K3 Gred R14 seperti di **Lampiran H, H1 dan H2**.

23. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai lantikan **sementara** atau **kontrak** dan perkhidmatan pegawai tersebut perlu ditamatkan. Urusan pelantikan semula pegawai berkenaan akan diuruskan oleh Ketua Jabatan, tertakluk memenuhi syarat skim perkhidmatan yang baharu.

Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Dalam Skim Perkhidmatan Asal Bagi Pegawai Yang Ditukar Lantik ke Gred Jawatan Lebih Tinggi

24. Tukang K3 Gred R9 dan Tukang K2 Gred R11 yang **memenuhi syarat** untuk ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pembantu Kemahiran layak membuat pilihan sama ada:

- (a) terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan; atau
- (b) ditukar lantik setelah pegawai dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal.

25. Pegawai yang memilih untuk terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Kemahiran Gred H17 tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat secara *time-based* di skim perkhidmatan asal kerana telah ditukar lantik ke gred jawatan yang lebih tinggi.

26. Pegawai yang memilih untuk kekal dalam skim perkhidmatan asal sehingga dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan, akan berada dalam skim perkhidmatan asal secara KUP. Pegawai akan dipertimbangkan kenaikan pangkat apabila menggenapkan tempoh 13 tahun di skim perkhidmatan asal. Seterusnya, pegawai akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan berkuat kuasa sehari selepas pegawai dinaikkan pangkat secara *time-based* tersebut.

27. Tukang K3 Gred R9 dan Tukang K2 Gred R11 yang **belum memenuhi syarat** tempoh genap enam (6) tahun perkhidmatan untuk ditukar lantik serta memilih untuk kekal dalam skim perkhidmatan asal sehingga dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan akan berada dalam skim perkhidmatan asal secara KUP. Pegawai akan dipertimbangkan kenaikan pangkat apabila menggenapkan tempoh 13 tahun di skim perkhidmatan asal termasuk tempoh enam (6) tahun perkhidmatan yang perlu dipenuhi bagi tujuan tukar lantik.

28. Sekiranya pegawai di perenggan 26 dan 27 tidak berjaya dinaikkan pangkat dalam tempoh *time-based* yang ditetapkan, pegawai boleh memohon untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan. Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan adalah pada tarikh semasa yang diluluskan oleh Ketua Jabatan.

KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN

29. Bagi melaksanakan opsyen ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Pihak Berkuasa Melantik akan mewakili kuasa kepada Ketua Jabatan untuk menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat.

(b) **Ketua Jabatan**

- (i) menawarkan opsyen kepada pegawai terlibat;
- (ii) memberi penjelasan terperinci mengenai opsyen kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;
- (iii) mengemas kini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan; dan
- (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan dan melaporkan kepada jabatan ini (BPO) mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini sebelum 1 Mei 2014 mengikut format seperti di **Lampiran J**.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Pemilihan opsyen adalah muktamad;
- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh Ketua Jabatan manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) mengembalikan borang opsyen dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan.

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

30. Pegawai akan ditawarkan gaji permulaan di jawatan baharu seperti berikut:

- (a) pada gaji minimum di gred jawatan baharu sekiranya gaji akhir di gred jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau
- (b) pada amaun gaji yang sama dengan amaun gaji akhir di gred jawatan asal jika gaji akhir di gred jawatan asal lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu.

31. Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji dalam JGMM mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji KUP hendaklah dipohon daripada jabatan ini (Bahagian Saraan) dengan mengemukakan salinan Kenyataan Perkhidmatan pegawai terlibat yang telah dikemas kini dan disahkan.

32. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan ini adalah seperti di **Lampiran K**.

TARIKH PERGERAKAN GAJI

33. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini dikekalkan mengikut TPG jawatan asal.

ELAUN DAN KEMUDAHAN

34. Urusan pertukaran pelantikan ini tidak melibatkan sebarang perubahan elaun dan kemudahan yang sedang diterima oleh pegawai mengikut pekeliling perkhidmatan/surat pekeliling perkhidmatan/surat edaran yang berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, penetapan kadar elaun dan kemudahan tersebut adalah tertakluk kepada penetapan gred jawatan pegawai ditukar lantik.

35. Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) yang sedang diterima oleh Tukang K1 dan Tukang K2 akan kekal dibayar secara KUP kepada pegawai yang bersetuju ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Kemahiran. Dalam keadaan pegawai tidak lagi menjalankan tugas yang melayakkan pembayaran BIPK selepas pertukaran pelantikan ini, pembayaran tersebut hendaklah dihentikan.

TARIKH KUAT KUASA

36. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 November 2013**.

PEMBATALAN

37. Dengan berkuat kuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Tukang K3, Tukang K2 dan Tukang K1 dalam semua pekeliling perkhidmatan/surat pekeliling perkhidmatan/surat edaran berkaitan adalah dibatalkan, kecuali untuk menampung pegawai yang belum layak dan pegawai yang menolak opsyen. Senarai skim perkhidmatan yang dibatalkan adalah seperti berikut:

- (a) skim perkhidmatan Tukang K3 dan Tukang K2 di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002;
- (b) skim perkhidmatan Tukang K1 di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2009; dan
- (c) skim perkhidmatan Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/Penolong Jurutera di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2013.

PEMAKAIAN

38. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

29 Oktober 2013

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU KEMAHIRAN**

KLASIFIKASI : **PERKHIDMATAN KEMAHIRAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA**
GREED JAWATAN/GAJI : **H17, H22, H26**
TARIKH KUAT KUASA : **1 NOVEMBER 2013**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta sekurang-kurangnya Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang ketukangan yang berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Senarai bidang yang paling sesuai untuk lantikan sebagai Pembantu Kemahiran adalah seperti di **RUJUKAN 1**).
(Gaji permulaan ialah pada Gred H17: RM1,318.42); atau
(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H17: RM1,318.42).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Operator Loji, Pembantu Awam, Pembantu Operasi, Pemandu Kenderaan, Pemandu/Operator Jentera Pemungkah dan Penghantar Notis adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN** 4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred H17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN** 5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN** 6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA** 7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN** 8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN** 9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI** 10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED H22** 11. Pembantu Kemahiran Gred H17 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H22 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED H26** 12. Pembantu Kemahiran Gred H22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H26 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
 - (c) (i) memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang ketukangan yang berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
 - (ii) Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau

(iii) lulus Ujian Kemahiran dalam bidang ketukangan yang berkenaan yang dijalankan atau diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA
LANTIKAN KE JAWATAN
PENOLONG JURUTERA
GRED JA29**

13. Pembantu Kemahiran yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Tukang K3 dan Tukang K2 yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).

Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Tukang K1 yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002) dan 2.7.2009 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2009).

**SENARAI BIDANG YANG PALING SESUAI UNTUK PELANTIKAN
KE JAWATAN PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H17
BERDASARKAN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN**

BIDANG	STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN		TAHAP
Elektrik	C-051-2	Juruteknik Elektrik	2
	C-051-3	Juruteknik Elektrik Kanan	3
Jurugegas (Jentera)	P-040-2	Mekanik Jentera Pertanian	2
	P-040-3	Juruteknik Jentera Pertanian	3
	P-030-2	Mekanik Kenderaan Perdagangan	2
	P-030-3	Juruteknik Kenderaan Perdagangan	3
	H-100-2	Mekanik Industri	2
	H-100-3	Juruteknik Industri	3
	H-160-2	Pembantu Juruteknik Penyenggaraan Industri Berat	2
	H-160-3	Juruteknik Penyenggaraan Industri Berat	3
Kenderaan Motor	P-030-2	Mekanik Kenderaan Perdagangan	2
	P-030-3	Juruteknik Kenderaan Perdagangan	3
	P-115-2	Mekanik Kenderaan Motor	2
	P-115-3	Juruteknik Kenderaan Motor	3
	P-130-2	Juruteknik Automotif Servis Tayar	2
	P-117-3	Penyelia Servis Tayar	3
Kimpalan	H-022-2	Jurukimpal Gas	2
	H-022-3	Juruteknik Kimpalan Gas	3
	H-024-2	Jurukimpal Arka Logam Berperisai (Keluli Karbon & Keluli Tahan Karat)	2
	H-024-3	Juruteknik Kimpalan Arka Logam Berperisai (Keluli Karbon & Keluli Tahan Karat)	3
	H-025-2	Jurukimpal Arka Tungsten Gas (Keluli Karbon & Keluli Tahan Karat)	2
	H-025-3	Juruteknik Kimpalan Arka Tungsten Gas (Keluli Karbon & Keluli Tahan Karat & Aluminium)	3
	H-026-3	Juruteknik Kimpalan Arka Tungsten Gas & Arka Logam Berperisai (Keluli Karbon & Keluli Tahan Karat)	3
	H-021-2	Jurukimpal Logam Tanpa Ferus	2
	H-021-3	Juruteknik Kimpalan Logam Tanpa Ferus	3

BIDANG	STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN		TAHAP
Mekanik Penyejukan	C-010-2	Mekanik Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara – Domestik	2
	C-010-3	Juruteknik Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara – Domestik	3
	C-040-2	Mekanik Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara – Komersial	2
	C-040-3	Juruteknik Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara – Komersial	3
Paip dan Bekalan Air	B-020-2	Jurukerja Paip	2
	B-020-3	Juruteknik Kerja Paip	3
Perkayuan	RB-050-2	Pembuat Perabot Kanan	2
	RB-050-3	Penyelia Pembuat Perabot	3
	A-020-2	Jurubina Bangunan Berasaskan Kayu	2
	A-020-3	Juruteknik Binaan Bangunan Berasaskan Kayu	3
	RB-051-2	<i>Interior Wood Work Senior Carpenter</i>	2
	RB-051-3	<i>Interior Wood Work Senior Carpenter Supervisor</i>	3

Nota: Senarai ini berdasarkan kelulusan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa).

LAMPIRAN A1

SKIM PERKHIDMATAN PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM)/PENOLONG JURUTERA

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
GRED JAWATAN/GAJI	:	JA17, JA22, JA26, JA29/30, JA36, JA38
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2013

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM) GRED JA17

- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian Pendidikan Seni Visual atau Lukisan Geometri atau Lukisan Kejuruteraan pada peringkat peperiksaan tersebut.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA17: RM953.00); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam dan Struktur) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA17: RM1,010.77); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam dan Struktur) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA17: RM1,068.89).

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG JURUTERA GRED JA29

- (d) (i) sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,418.00); atau

- (ii) diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,826.02).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

TEMPOH PERCUBAAN

LATIHAN

**PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA/PEPERIKSAAN**

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

**KEPERLUAN KOMPETENSI
DAN POTENSI**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kemahiran, Pemeriksa Kereta Motor dan Penjaga Jentera Elektrik adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d) di atas; atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred JA17 dan Gred JA29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED JA22**

11. Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA17 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA22 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED JA26**

12. Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA26 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED JA30**

13. (a) Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA17 atau JA22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA30 yang kosong apabila telah:
- (i) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (ii) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d);
 - (iii) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (iv) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (v) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- (b) Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA26 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Jurutera Gred JA30 yang kosong apabila telah:
- (i) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (ii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED JA36**

14. Penolong Jurutera Gred JA29/30 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA36 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED JA38**

15. Penolong Jurutera Gred JA36 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA38 yang kosong apabila telah:
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA
LANTIKAN KE JAWATAN
JURUTERA GRED J41**

16. Penolong Jurutera yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Jurutera Gred J41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim-skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/Penolong Jurutera yang berkuat kuasa pada 1.7.2013 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2013).

LAMPIRAN B

FORMAT IKLAN JAWATAN

Rujukan Fail:

1. (a) Jawatan : Nyatakan nama jawatan seperti dalam skim perkhidmatan berkenaan.
- (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan* : Nama Agensi.
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Nyatakan sama ada Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Pelaksana.
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Nyatakan Klasifikasi Perkhidmatan yang mengandungi skim perkhidmatan tersebut wujud.
2. Jadual Gaji : Rujuk pekeliling perkhidmatan yang berkuat kuasa.
3. Syarat Lantikan : Seperti syarat lantikan dalam skim perkhidmatan yang berkenaan.
4. Taraf Jawatan : Nyatakan sama ada bertaraf tetap, sementara atau kontrak.
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan (nyatakan seperti di 1(a) di atas) adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Untuk diisi oleh Ketua Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.
7. Tarikh Tutup Permohonan : Nyatakan tarikh tutup permohonan.

(* Potong mana yang tidak berkenaan)

LAMPIRAN C**JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN KEMAHIRAN
KUMPULAN PELAKSANA MULAI 1 NOVEMBER 2013****(RM SEBULAN)**

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM305HA26000	H26	2,505.00	4,788.00	125.00
SSM305HA22000	H22	2,184.00	4,265.00	115.00
SSM305HA17000	H17	953.00	3,490.00	95.00
SSM305HA16000	H16	1,598.00	3,236.00	95.00
SSM305HA14000	H14	1,576.00	3,041.00	90.00
SSM305HA11000	H11	837.00	2,619.00	80.00

**PENGHURAIAN KERJA UMUM
PEMBANTU KEMAHIRAN**

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pembantu Kemahiran Gred H17, H22, H26.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai kementerian/jabatan/agensi kerajaan.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab dalam tugas-tugas sokongan teknikal di bangunan kerajaan iaitu memasang, membaik pulih, menyenggara, mengawasi serta menguji kenderaan/jentera/peralatan awam dan mekanikal, pemasangan elektrik, sistem elektrik, sistem perpaipan dan kumbahan supaya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Aspek Awam

Batu/Simen

Memeriksa, melapor, menyenggara dan melaksanakan pembaikan kerosakan cat, dinding atau lepa dinding bangunan dan mengilap lantai.

Kayu

- (a) Membuat pertukangan kayu seperti membuat pelan lakar atau reka bentuk perabot mengikut pelan yang telah disediakan; dan
- (b) Memeriksa, melapor, menyenggara, melaksanakan, mengawasi dan menyiasat kerja-kerja pemasangan pertukangan kayu, tanggam, kunci, tingkap, pintu, cermin, genting dan penyenggaraan bumbung bocor.

Air

- (a) Melaksanakan kerja-kerja pemasangan dan pembaikan sistem serta komponen paip air di dalam dan di luar bangunan, tangki air, sistem tandas, paip air utama, *sluice valve* utama bekalan air, paip saluran najis, paip *chlorination* dan sistem kumbahan yang tersumbat;

- (b) Mengemas kini stok bekalan dan keperluan peralatan kerja;
- (c) Menerima dan merekod aduan kerosakan dari pelanggan;
- (d) Mengawasi dan menyelia dalam kerja-kerja pembaikan kecil; dan
- (e) Merekodkan butir-butir kerja pembaikan, penyenggaraan, penggantian dan pemasangan yang dilaksanakan mengikut arahan yang diberi dan melaporkan kepada pegawai penyelia.

4.2 Aspek Mekanikal

Perkhidmatan Dalam Bangunan

- (a) Menyenggara, membaiki dan memasang sistem penyaman udara jenis berasingan dan jenis tingkap, menara penyejuk, sesalur udara, paip *refrigerant* dan motor dan sistem pengudaraan;
- (b) Menyenggara, membaiki dan memasang tangki simpanan air, pam kumbahan, pemampat udara, paip air, *overhead crane*, mesin peralatan dalam bengkel, peralatan dapur, sistem pencegah kebakaran dan semua jenis pam dalam bangunan;
- (c) Menyenggara, membaiki, memasang dan menguji sistem pendawaian dalam litar kawalan, *starter*, *compressor* dan *blower*;
- (d) Mengawasi kerja-kerja penyenggaraan, pemasangan, pembaikan dan pengujian sistem penyaman udara jenis berasingan dan jenis tingkap, menara penyejuk, sesalur udara, paip *refrigerant* dan sistem pengudaraan;
- (e) Mengawasi kerja-kerja penyenggaraan, pemasangan, pembaikan dan pengujian tangki simpanan air, pam kumbahan, pemampat udara, paip air, *overhead crane*, mesin peralatan dalam bengkel, peralatan dapur, sistem pencegah kebakaran dan semua jenis pam dalam bangunan;
- (f) Mengawasi kerja-kerja penyenggaraan, pemasangan dan pembaikan sistem pendawaian dalam litar kawalan, *starter*, *compressor* dan *blower*.

Automotif

- (a) Menyenggara, menguji, membaiki, mencuci, mengganti dan memasang komponen-komponen kenderaan/loji ringan yang menggunakan enjin petrol/diesel dan komponen-komponen bahan api pada enjin jenis diesel;
- (b) Menyenggara, mengganti, menampal, membaiki dan memasang tayar kenderaan/loji yang menggunakan enjin petrol/diesel serta peralatan jentera berat; dan

- (c) Mengawasi kerja-kerja penyenggaraan, pengujian, penggantian, pemasangan, dan pembaikan kenderaan/loji ringan yang menggunakan enjin petrol/diesel.

Jentera Berat

- (a) Menyenggara, menguji, membaiki, mencuci, mengganti dan memasang komponen-komponen kenderaan/loji ringan/peralatan jentera berat seperti *sub-assembly hidraulic*, *undercarriage* dan *gear train*, sistem penyejuk, sistem penghantaran, sistem brek mengikut jadual atau kecemasan; dan
- (b) Mengawasi kerja-kerja penyenggaraan, pengujian, penggantian, pemasangan dan pembaikan kenderaan/loji ringan/peralatan jentera berat mengikut jadual atau kecemasan.

Letrik Motor

- (a) Menyenggara, membaiki dan memasang sistem elektrik dalam kenderaan/loji, bateri, pemasangan peralatan/kawalan/peranti elektrik, sistem penghidup/cas dan membuat ujian sistem elektrik kenderaan/loji yang perlu termasuk menyediakan keputusan dan data-data pengujian;
- (b) Mengawasi kerja-kerja penyenggaraan, pengujian, penggantian, pemasangan dan pembaikan sistem elektrik dalam kenderaan/loji, bateri, pemasangan peralatan/kawalan/peranti elektrik, sistem penghidup/cas dan membuat ujian sistem elektrik kenderaan/loji yang perlu termasuk menyediakan keputusan dan data-data pengujian;
- (c) Mengenal pasti, memeriksa dan menguji alat-alat ganti yang dikeluarkan oleh stor sentiasa berkeadaan baik dan selamat;
- (d) Menerima dan merekod aduan kerosakan dari pelanggan; dan
- (e) Mencatatkan dan merekodkan butir-butir kerja pembaikan, penyenggaraan, penggantian dan pemasangan yang dilaksanakan mengikut arahan yang diberi dan melaporkan kepada pegawai penyelia.

4.3 **Aspek Elektrikal**

- (a) Menyenggara, memeriksa, mencari kerosakan dan membaiki kerosakan elektrik di bangunan-bangunan kerajaan negeri dan persekutuan;
- (b) Melaksanakan kerja-kerja pemasangan sementara dan persiapan tempat bagi majlis rasmi kerajaan bermula dari pemasangan, pengujian dan tunggu sedia;

- (c) Melaksanakan kerja-kerja pengujian pendawaian terhadap pemasangan di bangunan kerajaan mengikut keperluan semasa;
- (d) Melaksanakan kerja-kerja pembaikan kerosakan peralatan suis, kabel bawah tanah dan talian atas serta servis peralatan suis;
- (e) Membuat servis, membaik pulih dan menguji semua pemasangan elektrik voltan rendah termasuk semua jenis motor serta panel kawalannya;
- (f) Membaik pulih semua kerosakan dan kecacatan pemasangan lampu-lampu, suis gear, pemutus litar ke bumi serta lain-lain pendawaian dan pencahayaan;
- (g) Menerima dan merekod aduan kerosakan dari pelanggan;
- (h) Merekodkan butir-butir kerja pembaikan, penyenggaraan, penggantian dan pemasangan yang dilaksanakan mengikut arahan yang diberi dan melaporkan kepada pegawai penyelia;
- (i) Mengawasi kerja-kerja pemasangan sementara dan persiapan tempat bagi majlis rasmi kerajaan bermula dari pemasangan, pengujian dan tunggu sedia;
- (j) Mengenal pasti, memeriksa dan menguji alat-alat ganti yang dikeluarkan oleh stor sentiasa berkeadaan baik dan selamat;
- (k) Mengawasi kerja-kerja penyenggaraan, membaiki dan memasang kerosakan elektrik di bangunan kerajaan serta kerja-kerja pembaikan kerosakan peralatan suis, kabel bawah tanah dan talian atas serta servis peralatan suis, kabel bawah tanah dan talian atas serta servis peralatan suis;
- (l) Mengawasi kerja-kerja membuat servis, membaik pulih dan menguji semua pemasangan elektrik voltan rendah termasuk semua jenis motor serta panel kawalannya serta kerja-kerja membaiki, membaik pulih semua kerosakan dan kecacatan pemasangan lampu-lampu, suis gear, pemutus litar ke bumi dan lain-lain pendawaian dan pencahayaan; dan
- (m) Melaksanakan kerja-kerja inspektorat pemasangan elektrik untuk premis-premis kerajaan persekutuan dan negeri.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- (a) Kumpulan Pengurusan dan Profesional.
- (b) Kumpulan Pelaksana.

Luaran

- (a) Semua kementerian/jabatan/agensi di peringkat persekutuan/negeri/badan berkanun/kerajaan tempatan.
- (b) Pertubuhan/persatuan dalam negeri.

6. PERSEKITARAN KERJA

Dalam dan luar pejabat.

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/KEMAHIRAN)

- (a) Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis sama ada dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- (b) Berkebolehan memberikan pendapat secara profesional, memberi khidmat nasihat dan mengemukakan hujah-hujah dengan baik.
- (c) Berkebolehan dalam bidang kemahiran teknikal yang berkenaan.
- (d) Berkebolehan dalam menulis/menyedia laporan.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- (a) Berintegriti.
- (b) Bertanggungjawab.
- (c) Profesional.
- (d) Adil dan saksama.
- (e) Kualiti.
- (f) Kerahsiaan.
- (g) Kompeten dan teliti.
- (h) Disiplin diri.
- (i) Cekap.
- (j) Amanah.

9. ANCAMAN/BAHAYA

- (a) Terdedah kepada kemalangan.
- (b) Boleh dikenakan tindakan undang-undang.
- (c) Faktor kesihatan (fitness) yang menghalang pelaksanaan tugas.

**SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN
(TUKANG K3 GRED R9 DAN TUKANG K2 GRED R11)**

(Nama dan Alamat Ketua Jabatan)

.....
.....

Fail Ruj.:

Tarikh:

Nama : (Nama Pegawai)

Alamat :

.....

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN
PENGGABUNGAN SKIM PERKHIDMATAN TUKANG K3 GRED R9, R14,
TUKANG K2 GRED R11, R22 DAN TUKANG K1 GRED R17, R24 MELALUI
PEMBERIAN OPSYEN**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan penggabungan skim perkhidmatan Tukang K3 Gred R9, R14, Tukang K2 Gred R11, R22 dan Tukang K1 Gred R17, R24 di bawah satu skim perkhidmatan baharu iaitu Pembantu Kemahiran Gred H17, H22, H26 berkuat kuasa pada **1 November 2013**. Sehubungan itu, tuan/puan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan **Pembantu Kemahiran Gred H17** di (Nama Jabatan) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Kemahiran.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran E1**. Tuan/Puan dikehendaki memberi jawapan sama ada **menerima atau menolak tawaran** pertukaran pelantikan ini dengan mengisi Borang Opsyen di **Lampiran E2**. Jawapan tuan/puan hendaklah sampai ke pejabat ini sebelum atau pada (30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan).

2.1 Sekiranya tuan/puan **menerima tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (a) dalam Borang Opsyen di Lampiran E2**. Tuan/Puan juga hendaklah memilih sama ada:

- (a) terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan dengan gaji RM atas Gred mulai pada tarikh yang sama; atau
- (b) ditukar lantik sehari selepas dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal. Tuan/Puan akan dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal yang dijumudkan sehingga memenuhi syarat yang ditetapkan;

atau

2.2 Sekiranya tuan/puan **menolak tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (b) dalam Borang Opsyen di Lampiran E2**. Tuan/Puan akan dikekalkan dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP yang dijumudkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

.....
(Tandatangan Ketua Jabatan)

**SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN BAGI
TUKANG K3 GRED R9 DAN TUKANG K2 GRED R11**

